

20/01/2002

KOAM cadang hantar memorandum pada PM

Saufi Hamzah

KESATUAN Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) akan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir mengandungi penjelasan mengenai pelbagai isu semasa berkaitan organisasi itu yang banyak dilaporkan dalam akhbar tempatan.

Presidennya, Datuk Syed Mohamad Aidid Syed Murtaza, berkata penyerahan memorandum itu dipersetujui sebulat suara oleh ahli majlis ketika mesyuarat khas majlis di sebuah hotel terkemuka di Georgetown, malam tadi.

Menurutnya, memorandum yang sama akan turut diserahkan kepada Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein bagi memaklumkan penjelasan berkenaan termasuk sejarah persatuan itu, pencapaian yang diperolehi atlit sejak 1906 dan pengorbanan pegawainya yang sanggup bekerja secara sukarela.

"Kita akan hantar memorandum itu tapi masanya tidak dapat ditetapkan lagi. Satu jawatankuasa sudah diarahkan untuk menyiapkan memorandum itu.

"Memorandum ini relevan kerana kami ingin menjelaskan pandangan dan berkongsi pendapat dalam pembangunan atlit. Kami tidak ada agenda tersembunyi," katanya.

Syed Aidid mempengerusi mesyuarat khas majlis KOAM yang dibuat bagi menggantikan mesyuarat biasa yang sepatutnya diadakan malam tadi.

Kelmarin, Syed Aidid meminta Pesuruhjaya Sukan, Datuk Mahamad Zabri Min supaya menangguhkan langkah menggantung atau membatalkan pendaftaran kesatuan itu.

Selain berpendapat langkah menangguhkan tindakan itu dapat mengelak banyak kesan lebih buruk jika dibuat tergesa-gesa, ia juga sebagai menghormati KOAM sebagai badan sukan yang mewakili atlit di peringkat kebangsaan.

Sehubungan itu, Syed Aidid berkata KOAM akan turut mengadakan mesyuarat lain sekiranya mereka sudah menerima surat berkaitan penggantungan atau pembatalan KOAM daripada Pesuruhjaya Sukan.

"Saya ingin menjelaskan bahawa sebarang cadangan daripada jawatankuasa bertindak untuk kemajuan olahraga akan diterima baik atau sebarang pindahan yang dibuat bagi kebaikan semua atlit di pelbagai peringkat.

"KOAM akan terus bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Kementerian Belia dan Sukan untuk sama-sama menyusun program," tambahnya.

Selain itu, Syed Aidid sekali lagi memberi amaran kepada ahli majlis supaya tidak membuat sebarang kenyataan termasuk kepada pihak media secara sesuka hati.

"Malam ini majlis bersetuju bahawa hanya Presiden saja boleh membuat kenyataan. Kita akan menggantung dengan serta merta sesiapa yang melanggar peraturan ini," tambahnya.

(END)